| Nama: | Tarikh: |
|---|---|

**BAHASA MELAYU TAHUN 5**

**TEMA 5: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**
**UNIT 15: KERANAMU MALAYSIA**

# Tajuk: Bahasa Asas Kewarganegaraan

**Arahan:** Rujuk **buku teks halaman 109.** Lengkapkan dialog di bawah dengan menyeret nombor jawapan.



## Bahasa Asas Kewarganegaraan

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

**Enam Peranan Bahasa Kebangsaan**

- **Bahasa Ilmu** digunakan untuk menyampaikan pelbagai ilmu pengetahuan
- **Bahasa Pentadbiran** wajib digunakan dalam semua urusan rasmi pentadbiran kerajaan
- **Bahasa Perhubungan** digunakan dalam perhubungan antara masyarakat yang berlainan bangsa
- **Bahasa Pengantar** digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara
- **Bahasa Ekonomi** digunakan dalam urusan ekonomi dan perdagangan
- **Bahasa Perundangan** digunakan dalam semua urusan perundangan



1 ............penguasaan bahasa Melayu penting bagi semua warganegara Malaysia kerana bahasa Melayu lambang identiti dan jati diri rakyat Malaysia.

2 ............ dan peranan bahasa Melayu di negara kita ialah sebagai bahasa ilmu, bahasa pengantar, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan, bahasa ekonomi dan bahasa perundangan.

3 ......... bahasa tersebut dapat mengeratkan perpaduan dan semua bangsa dapat berkomunikasi dengan berkesan.

LIVEWORKSHEETS